

IRFAN KHAIRI



55 Idea Perniagaan Menjual Produk dan Perkhidmatan di Internet

**Khas Untuk Perniagaan dari Rumah dan
Perniagaan Kecil-kecilan**

Dikumpulkan oleh: Rahsia Internet.com

Hak Cipta Terpelihara © 2006 oleh RahsiaInternet.com. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang atau menggunakan mana-mana bahagian format ini dalam apa jua bentuk dan apa jua cara sama ada elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman atau pengestoran maklumat termasuk sistem dapat kembali tanpa keizinan bertulis daripada penerbit. Anda dibenarkan mengedarkan file PDF ini pada format asal (tanpa sebarang perubahan). Laman web yang tertera di dalam format ini adalah hak milik individu tersebut.

Kandungan

Pesanan Peribadi Irfan Khairi	3
55 Idea Perniagaan menjual Produk dan Perkhidmatan	5
Pesanan Penutup Irfan Khairi	14

Pesanan peribadi Irfan Khairi...

Isnin, 6hb Februari 2006
5:45pm

Salam sejahtera,

Soalan yang sering saya terima dari pembaca buku *Rahsia Jutawan-Jutawan Internet* adalah: "*Perniagaan apa yang boleh saya mulakan di Internet?*". Kumpulan **55 Idea Perniagaan** ini adalah bertujuan untuk menjawab persoalan ini....

Terdapat berbagai-bagai peluang perniagaan di Internet, terlalu banyak untuk disenaraikan, mudah-mudahan kumpulan **55 Idea Perniagaan** ini sekurang-kurangnya dapat membuka mata anda tentang kepelbagaian peluang perniagaan di Internet.

Jawapan untuk soalan "*Perniagaan apa yang boleh saya mulakan di Internet?*" adalah berbeza bagi setiap insan. Bagi saya, perniagaan permulaan saya adalah mereka cipta grafik (perkhidmatan) yang di mulakan pada tahun 1999.

Melalui perniagaan tersebut mebolehkan saya berjaya mencapai cita-cita saya memperolehi pendapatan **RM1,000,000 pada tahun 2002**. Ketika itu saya berumur 25 tahun. Sehingga kini, saya masih menjalankan perniagaan Internet tersebut oleh kerana ianya adalah minat saya sejak kecil lagi.

Bagi anda, mungkin reka cipta grafik bukan untuk anda. Mungkin bakat anda adalah dalam bidang nyanyian? Atau sukan? Atau bercucuk tanam? Atau memasak? Tidak kira apa jua bidang anda, fikirkan peluang perniagaan berkaitan dengan bidang anda yang boleh diimplementasikan di Internet.

Kumpulan **55 Idea Perniagaan** ini bukan sekadar senarai laman-laman web contoh. Juga, terdapat komen dan nota untuk anda fikirkan sejenak bagaimana ia dapat diubah atau diimplimentasikan kepada industri anda.

Sebagai tambahan, apabila anda merujuk senarai yang diberikan, akan terdapat logo RahsiaInternet...

IRFAN KHAIRI



...Logo tersebut menandakan "Tips" daripada saya. Berhenti sejenak dan baca tips-tips yang diberikan. Kemudian, fikirkan bagaimana ianya dapat membantu anda. Dengan berbuat demikian, secara perlahan-lahan idea akan tiba ke minda anda. Satu permintaan dari saya, apabila anda mendapat walaupun satu idea (tak kira walaupun sekecil mana), ambil pen dan kertas dan tuliskannya!

Latihan menulis idea sejurus selepas anda mendapat sesuatu idea adalah untuk memastikan anda tidak terlupa idea tersebut, tambahan, dengan menuliskannya, anda pasti akan dapat lebih banyak lagi idea untuk mengembangkan idea yang kecil itu tadi.

Akhir kata, kumpulan idea ini hanya mengandungi **55 Idea Perniagaan** sahaja. Pada hakikatnya, idea perniagaan adalah **TIDAK TERHAD**. Apa yang sering menghadkan sesuatu idea adalah fikiran kita sendiri.

Oleh itu, bukakan fikiran dan beri peluang idea-idea perniagaan yang berkaitan dengan bidang anda bermain di ruang minda anda.

Semoga berjaya!

Irfan Khairi

<http://www.RahsiaInternet.com>

PS: Sekiranya anda mempunyai kenalan yang berminat dengan idea memulakan perniagaan di Internet, anda boleh membantu mereka dengan menghantar satu copy file PDF ini kepada mereka melalui email.

55 Idea Perniagaan menjual Produk dan perkhidmatan di Internet

<http://www.digital-photo-secrets.com>

Tips dan teknik mengambil gambar. Pemilik laman web ini adalah seorang juru gambar professional.

<http://www.mishmashsoap.com>

Menjual sabun mandi buatan sendiri. Dengan menggunakan adunan bahan-bahan semula jadi dan bahan asing, anda juga boleh mencipta sabun sendiri.

<http://www.theluminescents.com>

Menjual produk-produk lilin beraroma. Trend kini adalah aromaterapi-menggunakan lilin untuk menghasilkan aroma yang indah.

<http://www.nostalgiabaskets.com>

Perkhidmatan membuat hamper (gift basket). Boleh juga diimplementasikan di Malaysia untuk menyediakan bahan perhiasan hantaran kahwin mungkin?

<http://crazydaisyclowns.com>

Perkhidmatan badut untuk jamuan atau pertunjukan. Bagi mereka yang berminat untuk memberi hiburan terutama kepada kanak-kanak.

<http://www.playpiano.com>

Menjual kursus online cara bermain piano. Sistem yang diciptakan menjana pendapatan di Internet bagi peminat piano ini.

<http://www.fret2fret.com>

Menjual sistem cara bermain gitar dengan mudah. Sistem sebegini boleh diimplementasikan pada peralatan muzik yang lain.

<http://www.tracymcpherson.com>

Menawarkan perkhidmatan menulis dan menyunting (freelance writer & editor). Sekiranya anda seorang penulis atau penyunting full time, perniagaan internet secara freelance mungkin adalah untuk anda.

<http://www.caricatureconnection.com>

Menawarkan Perkhidmatan melukis karikatur & kartun. Bagi pakar melukis- di Malaysia ramai insan-insan yang hebat dalam bidang kreatif sebegini.

<http://www.easilstopsmoking.com>

Menjual program hipnosis berhenti merokok. Mungkin boleh diimplementasikan dengan program lain seperti diet pemakanan untuk berhenti merokok?

IRFAN KHAIRI



Dapatkan anda sedikit idea untuk memulakan perniagaan? Berbagai-bagai peluang perniagaan tersedia di Internet. Anda perlu bijak mencari ruang-ruang untuk menjalankan perniagaan tersebut.

Anda boleh mencipta produk sendiri seperti www.fret2fret.com dan www.easilstopsmoking.com ataupun anda boleh memberi perkhidmatan mengikut kepakaran anda seperti www.tracymcpherson.com dan <http://www.caricatureconnection.com>.

Sudah mendapat idea? Lawati <http://www.RahsiaInternet.com> untuk cara bagaimana kami dapat membantu anda- melalui buku #1 laris di pasaran "**Rahsia Jutawan-Jutawan Internet Terbongkar**" atau melalui kursus kami yang sering sold-out "**Workshop Jutawan Internet oleh Irfan Khairi**". **Diskaun RM100 untuk pendaftaran awal.**

<http://www.clubnatural.com>

Menjual suplimen kesihatan (vitamin). Perniagaan kecil-kecilan di Malaysia banyak menghala ke arah ini. Mungkin anda boleh menggunakan Internet sebagai tempat berniaga?

<http://www.razthome.com>

Perkhidmatan membina kabinet dapur & grill rumah. Syarikat kecil di Kajang, Malaysia.

<http://www.thepapertiger.com>

Menjual produk perisian computer. Programmer yang pernah mencipta perisian computer boleh menjualkan perisian tersebut terus di Internet.

<http://www.batik-devine.com>

Menjual tali leher batik. Malaysia kaya dengan batik dan sentuhan fesyen kreatif. Internet boleh menjadi landasa memperluaskan hasil-hasil kerja ini.

<http://www.phenrx.com>

Menjual pil menguruskan badan.

<http://www.singorama.com>

Menjual kursus online teknik menyanyi. Kursus online sebegini dapat membantu mereka yang sibuk untuk menghadiri kursus atau mengikuti kelas-kelas bukan Internet.

<http://www.telepromptermanual.com>

Menjual buku cara membuat persembahan (public speaking). Anda boleh membeli apa jua buku dari penerbit, kemudian membina laman web untuk menjual buku tersebut. Seperti RahsiaInternet.com!

<http://www.mouseproof.co.uk>

Menjual produk menghapus tikus. Memudahkan mereka yang ingin melakukan penghapusan tikus sendiri tanpa mengupah orang luar.

<http://www.map-of-malaysia.com>

Menjual peta Malaysia kepada pengunjung luar. Satu perniagaan pemilik RahsiaInternet.com!

<http://www.mikethehatter.com>

Menjual berbagai jenis topi. Mike, pemilik laman web ini minat dengan topi. Menghasilkan laman web menjual produk yang diminatinya.

IRFAN KHAIRI



Pelbagai peluang terdapat di Internet bukan sahaja menjual ke pasaran global seperti <http://www.map-of-malaysia.com>, tetapi, untuk pasaran tempatan juga dapat meraih keuntungan dari Internet seperti <http://www.razthome.com>

Tak lupa juga produk-produk yang banyak terdapat di Malaysia dan boleh dijual ke pasaran dunia seperti batik oleh www.batik-devine.com. Malaysia amat kaya dengan barangan kraftangan. Peluang perniagaan menjual barangan hasil Malaysia masih luas di Internet.

Sudah mendapat idea? Lawati <http://www.RahsiaInternet.com> untuk cara bagaimana kami dapat membantu anda- melalui buku #1 laris di pasaran "**Rahsia Jutawan-Jutawan Internet Terbongkar**" atau melalui kursus kami yang sering sold-out "**Workshop Jutawan Internet oleh Irfan Khairi**". **Diskaun RM100 untuk pendaftaran awal.**

<http://www.customusb.com>

Perkhidmatan mencetak logo atas produk komputer - mouse dan flash drive.

<http://www.fotothemes.com>

Perkhidmatan juru gambar untuk majlis perkahwinan. Khas untuk mereka yang gemar bidang fotografi.

<http://www.cuttinghair.com>

Menjual kit mengajar cara memotong rambut! WOW... idea yang baik. Tak perlu lagi ke kedai mamak?

<http://www.myballoonlights.com>

Menjual belon bercahaya. Produk-produk yang pelik dan jarang kita jumpa di kedai boleh dijual di Internet untuk memperluaskan pasaran.

<http://www.bugrepeller.com>

Racun penghalau serangga. Sering kita lihat iklan-iklan ini di surat khabar. Amat kurang diiklankan di Internet.

<http://www.bluewondercloth.com>

Menjual kain mencuci kereta (micro-fiber). Produk & ciptaan baru yang boleh dijual di Internet.

<http://www.learn-massage-online.com>

Menjual teknik cara mengurut berbentuk VCD dan DVD. Berbagai-bagai kepakaran boleh dijadikan dalam bentuk VCD atau DVD. Boleh kah anda implementasikan kepakaran anda kedalam media ini dan menjualnya di Internet?

<http://www.learntodance.com>

Menjual pelajaran cara menari dari rumah. Satu lagi idea yang boleh diimplementasikan dalam bentuk VCD atau DVD...

<http://www.facereadingacademy.com>

Menjual produk dan perkhidmatan membaca raut muka. Kebolehan yang boleh dipelajari oleh orang ramai.

<http://read-dear.com>

Teknik membaca Al Quran melalui Iqra untuk kanak-kanak. Produk berteraskan agama Islam amat kurang di pasarkan di Internet- ia merupakan ruang kosong untuk usahawan seperti anda mengambil peluang!

IRFAN KHAIRI



Tidak semestinya anda menghasilkan produk sendiri. Anda boleh mendapatkan produk dari pengeluar atau pemborong, kemudian jualkannya semula seperti www.bugrepeller.com dan www.bluewondercloth.com.

Peluang berniaga ada di merata-rata tempat. Buka mata dan fikiran apabila anda membeli belah dan cari produk yang anda boleh pasarkan di Internet. Kemudian, tanya pada pemilik kedai tersebut dari mana anda boleh membeli secara borong produk tersebut.

Sudah mendapat idea? Lawati <http://www.RahsiaInternet.com> untuk cara bagaimana kami dapat membantu anda- melalui buku #1 laris di pasaran "[Rahsia Jutawan-Jutawan Internet Terbongkar](#)" atau melalui kursus kami yang sering sold-out "[Workshop Jutawan Internet oleh Irfan Khairi](#)". **Diskaun RM100 untuk pendaftaran awal.**

<http://www.voiceover.com.my>

Perkhidmatan rakaman suara. Sebuah perniagaan online Malaysia.

<http://www.creativeartsstudios.com>

Perkhidmatan mengecat/rekacipta tembikar. Anda juga boleh mempromosi kelas atau bengkel bukan Internet anda.

<http://www.musclegaintruth.com>

Menjual informasi cara membina badan. Tanpa kepakaran atau pendidikan formal, pengalaman juga boleh dijual di Internet!

<http://www.30daygourmet.com>

Menjual resepi masakan. Khas bagi mereka yang minat memasak... jadikan hobi anda penjana pendapatan.

<http://www.fast-progress-coaching.com>

Pakar motivasi kejayaan. Menggunakan Internet untuk meluaskan peserta ke seluruh dunia.

<http://www.weightlossbythenumbers.com>

Menjual tips-tips menurunkan berat badan. Sekali lagi menggunakan pengalaman dijadikan produk pendidikan untuk dijual.

<http://www.comagi.co.uk>

Laman web ahli silap mata. Laman web perniagaan boleh menjadi seperti "Business Card" untuk memperluaskan pelanggan tempatan.

<http://www.strategictennis.com>

Manual ebook teknik bermain tennis. Peminat sukan? Mungkin anda boleh implementasikan sukan yang anda minat dengan pendekatan ini.

<http://www.realbotanica.com/>

Produk kecantikan. Juga amat diminati di Asia yang kaya dengan bahan-bahan semula jadi.

<http://www.magiphoto.com>

Perkhidmatan menukarkan photo hitam & putih kepada photo warna.

IRFAN KHAIRI



Kadangkala hobi anda boleh menjadi perniagaan di Internet seperti memasak www.30daygourmet.com atau membuat silap mata www.comagi.co.uk. Apa yang lebih baik dari menjana pendapatan melalui hobi anda sendiri?

Kebanyakan perniagaan yang berjaya di Internet bermula dengan laman web hobi sahaja. Mungkin peluang perniagaan anda ada di hadapan mata anda selama ini- hobi anda!

Sudah mendapat idea? Lawati <http://www.RahsiaInternet.com> untuk cara bagaimana kami dapat membantu anda- melalui buku #1 laris di pasaran "[Rahsia Jutawan-Jutawan Internet Terbongkar](#)" atau melalui kursus kami yang sering sold-out "[Workshop Jutawan Internet oleh Irfan Khairi](#)". **Diskaun RM100 untuk pendaftaran awal.**

<http://www.pimsleurapproach.com>

Menjual CD dan audio kaset belajar bahasa Mandarin. Apa kata gunakan idea ini untuk menghasilkan produk belajar berbahasa Malaysia? Berbahasa Indonesia? Berbahasa Siam?

<http://www.learntodo.co.uk>

Kursus online cara menggunakan cat air. Laman web yang dicipta oleh guru seni lukis.

<http://www.draw-cartoons-today.com>

Pelajari cara melukis kartun di Internet. Anda boleh memindahkan kepakaran anda melalui Internet dan menjana pendapatan melaluinya.

<http://www.knittingtips.com>

Kursus menjahit melalui email. Email juga boleh menjadi pengantara perniagaan anda- kursus menjahit melalui email? Kursus bahasa melalui email? Kursus belajar memasak melalui email?

<http://www.purina.ca>

Menjual produk untuk haiwan peliharaan. Khas bagi mereka yang sayangkan haiwan peliharaan.

<http://www.rent-a-villa-in-tuscany.com/>

Laman web ejen hartanah di Tuscany. Dipenuhi dengan maklumat-maklumat mengenai Tuscany sebagai tempat pelancongan.

<http://www.aboveblack.com>

Menjual buku mengenai makhluk asing ?!

<http://llcheongskin.com>

Laman web sebagai penarik prospek kepada klinik kulit Dr Cheong.

<http://www.decorate-redecorate.com>

Menjual pakej menghias dalaman rumah. Lakukan perhiasan dalam rumah dengan sendiri.

<http://www.maskahwin.com>

Menjual buku "Mas Kahwin Yang Hilang" di Internet. Anda mempunyai buku tempatan yang anda minati? Apa kata anda mencari penerbitnya, beli dari penerbit pada harga diskaun, kemudian jualkan buku tersebut di Internet! Satu model perniagaan yang mudah.

<http://www.millionairesplanet.com>

Laman web Azizi Ali mempromosikan perkhidmatannya sebagai penulis buku dan speaker untuk seminar-seminar yang dijalankan. Sekiranya anda seorang pakar industri anda, pastikan Internet menjadi medium promosi anda.

<http://www.gotlogos.com>

Menjual perkhidmatan reka cipta logo. Sekiranya anda seorang pereka grafik, terdapat berbagai peluang perniagaan yang melibatkan reka cipta grafik.

<http://www.zoncom.com>

Perkhidmatan videographer – mengambil video clip untuk majlis perkahwinan, konvo, seminar dan sebagainya...

<http://www.taichibreathing.com/>

Menjual program mengajar teknik tai-chi. Model perniagaan ini boleh diimplementasikan dengan teknik-teknik meditasi yang lain.

IRFAN KHAIRI



Berikut adalah 55 idea perniagaan. Jangan lupa, idea perniagaan adalah tidak terhad- apa yang menghadkan idea adalah fikiran anda sendiri.

Di Malaysia masih terdapat pelbagai ruang kosong lagi untuk perniagaan di Internet. Lihat sahaja senarai di atas- kebanyakannya adalah untuk pengguna barat. Apa kata anda mencari idea dari barat, dan implementasikan kepada masyarakat dan persekitaran Malaysia.

Seperti, seni pertahankan diri Malaysia, resepi masakan Malaysia, mengajar bahasa Malaysia, bercucuk tanam tumbuhan-tumbuhan Malaysia dan sebagainya.

Ataupun, guna idea-idea perniagaan yang timbul di negara barat, dan implementasikannya untuk pasaran tempatan – mungkin menggunakan bahasa Malaysia. Contoh, laman web mengajar bermain piano berbahasa Malaysia, atau mengajar bermain gitar berbahasa Malaysia, atau bermain badminton berbahasa Malaysia dan sebagainya!

Ruang perniagaan di Malaysia amat luas – di Malaysia sahaja terdapat lebih dari 10,000,000 pengguna Internet. Ya... 10 JUTA. Dengan langkah perniagaan yang bijak, anda boleh memenuhi kekosongan yang sedia ada di Malaysia!

Sudah mendapat idea? Lawati <http://www.RahsiaInternet.com> untuk cara bagaimana kami dapat membantu anda- melalui buku #1 laris di pasaran "[Rahsia Jutawan-Jutawan Internet Terbongkar](#)" atau melalui kursus kami yang sering sold-out "[Workshop Jutawan Internet oleh Irfan Khairi](#)". **Diskaun RM100 untuk pendaftaran awal.**

Pesanan penutup Irfan Khairi...

WOW!

Banyak betul peluang perniagaan di Internet yang boleh dilakukan. Dengan membaca semula apa yang dikumpulkan, saya sendiri telah mendapat berbagai-bagai idea perniagaan untuk di implementasikan!

Saya harap, anda juga begitu... mendapat berbagai-bagai idea di atas kertas yang anda telah catitkan dari tadi. Hmmm... saya tahu, tak semua yang mencatat nota seperti permintaan saya di mukasurat 2 tadi 😊

Tidak mengapa... menurut kajian, cuma 2% sahaja dari pembaca yang benar-benar akan menulis idea yang datang difikirannya. Yang selebihnya 98%, hanya akan fikirkan idea tersebut. Asalkan fikiran anda sarat dipenuhi dengan idea perniagaan- semuanya OK!

Jadi, apakah langkah anda seterusnya selepas mendapat IDEA?

Ada juga komen kenalan kepada saya berbunyi...

"Irfan... awak ni sering menceritakan idea perniagaan kepada orang ramai dan peserta kursus. Tak takut ke orang curi idea awak?"

Sebenarnya, IDEA adalah sesuatu yang tidak ada nilai. YA. Ianya tiada nilai apa-apa. Bak kata orang, 1 sen pun tak laku...

IDEA akan menjadi nilai yang tidak terhingga cuma apabila terdapat implementasi yang BETUL kepada idea tersebut. Sebab itu juga, di dalam undang-undang, seseorang itu tidak boleh mendaftar HAK CIPTA keatas sesuatu IDEA yang belum diimplementasi.

55 Idea Perniagaan yang anda baca **hanya sekadar idea**. Anda perlu menjadi penggerak kepada idea yang anda janakan untuk betul-betul meraih nilai dari idea tersebut.

Masih terdapat banyak ruang kosong dari sudut peluang perniagaan di Internet terutamanya di Malaysia. Jangan lepaskan peluang ini untuk memastikan anda adalah antara terawal meraih peluang ini dalam industri anda.

Jangan leka sehingga pesaing anda meraih keuntungan terlebih dahulu. Sekiranya anda mengamalkan sikap tunggu dan lihat sehingga pesaing anda memasuki perniagaan Internet, anda mungkin terlewat. Pesaing anda itu yang akan mendapat keuntungan yang besar dengan mengambil pasaran utama.

Dalam industri apa sahaja pun, perniagaan yang "mengikut" perniagaan lain, tidak akan berjaya meraih untung sebanyak perniagaan yang pertama sekali mendapatkan pasaran terbesar. Rujuk buku **Rahsia Jutaan-Jutaan Internet Terbongkar "Rahsia #6: Pertama Dan Memasuki Fikiran Pengguna" (mukasurat 60).**

Oleh itu, anda perlu mengambil langkah pertama untuk mengimplementasikan idea perniagaan anda. Gunakan buku **Rahsia Jutaan-Jutaan Internet Terbongkar** yang penuh dengan informasi untuk membantu anda. Buku laris #1 di pasaran **Rahsia Jutaan-Jutaan Internet Terbongkar** kini menjadi antara buku ilmiah paling laris terjual di Malaysia dengan jualan melebihi 10,000 unit dalam masa yang amat singkat. Terima kasih kepada anda yang memberi sokongan!

Sebagai tambahan, untuk memepercepatkan implementasi idea perniagaan Internet anda di landasan yang betul serta kaedah-kaedah yang boleh memberi anda daya saingan yang **HEBAT** berbanding dengan pesaing anda, **Workshop Jutaan Internet pasti akan dapat membantu anda.**

Apa yang anda (dan saya) tidak mahu adalah, apabila anda menjalankan IDEA perniagaan ANDA, tetapi dengan CARA YANG SALAH. Kemudian, pesaing anda MENCURI IDEA anda dan menjalankannya dengan CARA YANG BETUL di Internet. Akhir sekali, keuntungan akan dikaut oleh pesaing anda- dan bukannya anda!

Workshop Jutaan Internet akan memberi keyakinan kepada anda dengan memberi kaedah-kaedah yang digunakan oleh jutawan-jutawan Internet dalam memulakan dan menjalankan perniagaan di Internet dengan CARA YANG BETUL.

Untuk maklumat lanjut Workshop jutawan Internet, sila ke:

<http://www.RahsiaInternet.com/workshop>

Sehingga kita berjumpa lagi, salam hormat dan saya doakan kejayaan anda tidak kira di Internet ataupun bukan Internet!

Yang benar,

Irfan Khairi

<http://www.RahsiaInternet.com>

PS: Sekiranya anda belum menyertai NewsLetter RahsiaInternet.com, anda dialu-alukan untuk turut menyertai. Langgani Newsletter percuma kami di <http://www.RahsiaInternet.com>